

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-46**

“HARI KEMERDEKAAN ATAU HARI KEBANGSAAN?”

Tajuk:

**USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

Oleh:

Prof. Madya Dr. Mohd Bin Samsudin

14 September 2021 (Selasa)

USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Oleh:

Prof. Madya Dr. Mohd bin Samsudin
Pusat Kebudayaan Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Cita-cita untuk merdeka dan bebas daripada penjajahan telah berkembang dalam jiwa penduduk di negara-negara yang dijajah terutamanya di Asia. Penduduk India, Burma memperjuangkan kemerdekaan negara mereka daripada penjajah Inggeris. Mereka menggunakan kaedah yang berbeza bagi memberikan tuntutan yang akhirnya menyebabkan kerajaan British bersetuju memberikan kemerdekaan. Manakala di Vietnam, penduduknya memperjuangkan kemerdekaan daripada kuasa penjajah Perancis tetapi kaedahnya adalah melalui gerakan revolusioner. Begitu juga di Indonesia, gerakan perjuangan kemerdekaan turut menggunakan kaedah revolusioner bagi menentang penjajahan Belanda. Akhirnya terdapat pelbagai bentuk perjuangan yang dilakukan oleh penduduk bagi mendapatkan kemerdekaan dari kuasa penjajah di negara mereka.

Persekutuan Tanah Melayu juga menggunakan cara dan kaedah yang berbeza berbanding negara-negara lain. Idea kemerdekaan telah mula digerakkan oleh pelbagai golongan khususnya golongan intelegensia, wartawan, guru, pentadbir dan pemimpin tempatan. Pada asalnya perjuangan kemerdekaan adalah dalam bentuk memberikan kesedaran dalam kalangan penduduk yang dilakukan oleh golongan intelegensia dan wartawan untuk membebaskan diri daripada belengu kemiskinan, berusaha mendapatkan pendidikan dan mempunyai kesedaran yang tinggi kesan penjajahan British. Kemudiannya gerakan ini berbentuk organisasi politik. Kesatuan Melayu Muda adalah organisasi politik yang terawal ditubuhkan pada tahun 1937 bagi menentang British dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob, Burhanuddin Helmi dan Ishak Haji Muhammad. Bagaimanapun gerakan ini terbantut apabila berlakunya Perang Dunia Kedua. Namun pemimpin ini tetap meneruskan perjuangan menentang penjajahan tentera Jepun. Selepas tamat Perang Dunia Kedua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan bagi meneruskan perjuangan menentang British. Tokoh-tokoh PKMM seperti Burhanuddin Helmi, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestaman meneruskan perjuangan gerakan ini.

Perubahan dasar penjajahan British selepas Perang Dunia Kedua dengan membawa rancangan Malayan Union mengubah landskap semangat nasionalisme penduduk di Tanah Melayu. Usaha British mahu menjadikan semua negeri di Tanah Melayu sebagai tanah jajahan mereka dengan membuang kuasa para Sultan dan kedudukan orang Melayu menyebabkan berlakunya penentangan secara terbuka dan bersepadu. Ia membawa kepada penubuhan sebuah lagi politik iaitu UMNO yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Rancangan Malayan Union berjaya digagalkan serta diganti dengan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Gerakan nasionalisme penduduk di Tanah Melayu bergerak pantas dan diikuti dengan dasar pembaharuan perlembagaan menyebabkan penduduk mula memberi perhatian untuk menyegerakan kemerdekaan Tanah Melayu. Dua perkara utama yang berlaku iaitu diadakan pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955 dan penubuhan Dewan Perundangan Persekutuan dengan keahlian daripada ahli-ahli yang dipilih menerusi pilihanraya mempercepatkan proses kemerdekaan. Perkembangan ini menggambarkan Tanah Melayu sudah menghampiri detik kemerdekaan. Akhirnya dengan peranan utama yang dimainkan oleh Tunku Abdul Rahman, kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957 memberikan kebebasan negara ini daripada penjajahan British.

Perjuangan Tunku Abdul Rahman

Tunku merupakan pemimpin yang mempunyai pengalaman berwarna-warni dalam kepimpinannya di Malaysia. Beliau bersifat terbuka dan sentiasa bersedia menerima kritikan. Pada usia yang masih muda, beliau sudah dihantar belajar ke kota Bangkok, tinggal bersama-sama kakandanya Tunku Ya'akob. Langkah ini memberikan pendedahan awal Tunku terhadap negara luar. Apabila Tunku Ya'akob meninggal dunia, Tunku telah pulang ke Alor Setar tinggal bersama-sama ibunya. Apabila beliau dihantar belajar ke England, Tunku banyak mendapat pendedahan mengenai politik dan pentadbiran Britain. Peluang paling berharga ialah pertemuan dengan penuntut-penuntut Tanah Melayu yang lain belajar di England. Antaranya termasuklah Tun Mohamed Sufian Hashim¹, Tun Sardon Jubir² (bekas Menteri Pengangkutan), Tun Abdul Razak dan Tun Ismail Mohd Ali.³ Sewaktu di England juga Tunku menunjukkan kebolehan kepimpinan apabila memimpin Persatuan Pelajar-pelajar Malaya di United Kingdom.

Apabila pulang, Tunku dilantik dalam perkhidmatan pentadbiran negeri Kedah, dilantik menjadi Penolong Pegawai Daerah di Kulim pada tahun 1931. Bagaimanapun tahun 1937 beliau ditukarkan ke Pulau Langkawi kerana mengkritik dasar British yang tidak memberikan kebaikan kepada orang Melayu. Pulau ini sebuah kawasan yang jauh terpencil dan mundur pada masa itu. Tidak banyak pembangunan yang terdapat di pulau ini. Kebanyakan penduduknya miskin dan bekerja sebagai pesawah, nelayan atau mencari hasil hutan. Manakala sistem perhubungan di pulau ini begitu terhad. Ketika Tunku berada di Pulau Langkawi,

pulau ini hanya mempunyai jalan raya (batu merah) yang hanya menghubungi Kuah dengan Padang Mat Sirat. Perhubungan Pulau Langkawi dengan tanah besar hanya melalui perkhidmatan bot yang hanya boleh digunakan pada waktu siang. Bertugas di Pulau Langkawi telah memberikan kesedaran kepada Tunku mengenai sikap pihak British yang mahu menjaga kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu, sentiasa mengambil peluang untuk mengeksploitasi penduduk Melayu.⁴ Dalam masa yang sama, Tunku juga mengetahui dengan lebih dekat lagi kemunduran yang dialami oleh orang Melayu. Inilah antara faktor yang menyebabkan Tunku menubuhkan dan memimpin Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), sebuah persatuan politik orang Melayu Kedah yang memperjuangkan nasib orang Melayu.⁵

Ketika melaungkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Tunku berusia 54 tahun. Dalam kalangan anggota kabinet Tanah Melayu, beliau dianggap sebagai 'orang yang lebih tua', dihormati kerana usia dan latar belakang seorang anak raja. Pengalaman sebagai pentadbir dan juga penolong pandakwaraya banyak membantu Tunku dalam urusan pentadbiran negara. Dalam kalangan menteri dan rakan politik serta pegawai pentadbiran, mereka memanggil beliau dengan nama "Tunku" sahaja. Latar belakangnya sebagai putera Sultan Kedah memberi kelebihan kepada beliau berurusan dengan Raja-Raja dan golongan pembesar Melayu. Antara perkara penting yang dilakukan termasuklah memujuk Raja-Raja Melayu menerima cadangan UMNO untuk mengadakan pilihan raya pertama yang menandakan bermulanya sistem demokrasi Barat di Tanah Melayu. Persetujuan Raja-Raja Melayu amat penting kerana sikap kerajaan British yang enggan membenarkan sebarang bentuk perubahan sistem pentadbiran negara yang kuasa mutlak setiap negeri Melayu dipegang oleh Sultan negeri berkenaan. Cabaran Tunku ialah meyakinkan Raja-Raja Melayu bahawa langkah membenarkan diadakan pilihan raya merupakan keputusan yang baik dan menguntungkan mereka. Peristiwa pergeseran Sultan Johor dan Raja-Raja Melayu dengan Dato' Onn, bekas Yang Dipertua UMNO terhadap cadangan Dato' Onn dilantik seorang pegawai Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu menimbulkan rasa curiga Raja-Raja Melayu terhadap UMNO. Namun demikian, dengan kesungguhan Tunku dan jaminan yang diberikan beliau kepada Raja-Raja Melayu bahawa langkah ini akan memberikan keuntungan kepada Raja dan rakyat ke arah pembentukan sebuah negara merdeka menyebabkan cadangan ini dipersetujui.

Manakala sikap Tunku yang mesra dengan orang Melayu menjadikan Tunku mudah didekati dan rapat dengan orang Melayu. Di samping itu juga, beliau mempunyai ramai kawan yang berketurunan Cina seperti Ong Yoke Ling, Yang Shau Kung, dan Lim Yew Hock yang sentiasa mendampingi beliau. Keadaan ini memudahkan Tunku untuk berhubung dengan pemimpin-pemimpin orang Cina.

Pengalaman belajar di Britain memberi peluang Tunku mempunyai rakan-rakan daripada kalangan pegawai-pegawai British. Kenalan beliau dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British sewaktu sama-sama belajar di Cambridge memberikan kelebihan untuk kepada Tunku untuk berbicara dengan kerajaan British mengenai usul kemerdekaan. Ketika berunding dengan pegawai-pegawai British menuntut kemerdekaan, Tunku bersikap sungguh tegas menuntut kerajaan British mengiktiraf aspirasi penduduk dan bukannya membuat keputusan tanpa mengambil kira kepentingan penduduk. Masalah timbul apabila kerajaan British enggan menerima cadangan Tunku agar sebuah jawatankuasa bebas ditubuhkan bagi mencadangkan kaedah pilihan raya di Tanah Melayu. Bagi menunjukkan ketegasan beliau, Tunku mengugut untuk mengarahkan semua ahli UMNO yang menjadi ahli Majlis Bandaran dan Kerajaan Tempatan meletakkan jawatan mereka.⁶ Ia memaksa pihak British akhirnya bersetuju dengan tuntutan UMNO. Kejayaan usaha Tunku ini membuka jalan ke arah mempercepatkan pilihan raya umum pertama Tanah Melayu dan ke arah kemerdekaan.

Pengalaman Tunku sebagai bekas pegawai daerah membantu beliau memahami aspirasi penduduk khususnya orang Melayu. Pengalaman sebagai Penolong Pendakwaraya pula membantu beliau memahami keperluan undang-undang dan perlembagaan negara sebagai keutamaan dalam sistem perundangan negara. Manakala pengalaman beliau bersahabat dengan orang bukan Melayu membantu beliau lebih terbuka dengan orang Cina dan India serta menghormati mereka. Semua pengalaman ini dianggap sebagai rempah ratus yang membantu Tunku mentadbir pada saat-saat awal kemerdekaan negara yang masih mengalami kekosongan dalam hampir segenap aspek, kecuali semangat kebangsaan yang tinggi dan kesungguhan untuk Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya.

Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang terkenal pada hari ini dibina hasil perjuangan dan titik peluh pemimpin dan masyarakat terdahulu. Perjuangan membebaskan negara ini daripada penjajahan luar sudah bermula lebih 500 tahun dahulu terutamanya selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Malahan sebagai pembesar Kesultanan Kedah, beliau juga sudah memahami sejarah perjuangan negeri Kedah mempertahankan kemerdekaan daripada pengaruh Siam. Sebagai pemimpin SEBERKAS, Tunku mempunyai pengalaman gerakan nasionalis menentang dasar tidak adil pihak British. Pengalaman ini selalu dinyatakan oleh Tunku ketika menjawab kritikan orang ramai mengenai cara kepimpinan beliau. Dalam satu temu bual, Tunku mengatakan kekesalannya terhadap pegawai British yang telah menggunakan "tipu helah" bagi mendapatkan hak pajakan Pulau Pinang daripada Sultan Kedah.⁷ Kesedaran ini selalu dibawa oleh Tunku apabila berhadapan dengan kerajaan British khususnya sewaktu rundingan kemerdekaan, perjanjian pertahanan, pembentukan Malaysia dan pemisahan Singapura. Beliau tidak mahu kerajaan British mengambil kesempatan dalam apa juga keadaan.

Usaha Mendapatkan Kemerdekaan

Perjuangan mendapatkan kemerdekaan bukanlah suatu yang mudah, malah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Di India, penduduknya terpaksa berjuang menghadapi dasar keras pihak British terutama menggunakan kekerasan tentera dan tindakan menangkap serta memenjara mereka yang menuntut kemerdekaan. Di Indonesia, jutaan penduduknya menggerakkan gerakan revolusi menentang penjajahan Belanda bagi mendapatkan kemerdekaan. Sebaliknya di Malaysia, Tunku Abdul Rahman memimpin gerakan politik berunding dengan pihak British dalam usaha mendapatkan kemerdekaan. Sekali gus Tunku menolak nasihat yang diberikan oleh W. B. Van Laffe, hakim Mahkamah di Gold Coast dalam pertemuan mereka di London agar menggunakan kaedah kekerasan untuk mendapatkan kemerdekaan.⁸ Pendekatan yang diambil oleh Tunku dan para pemimpin Tanah Melayu dengan cara perundingan diterima baik oleh penduduk dan pihak British, malah ia memberikan kesan besar kepada pembentukan sebuah negara yang mempunyai struktur dan asas yang diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Usaha serius UMNO untuk menggerakkan kemerdekaan lebih jelas menjelang bulan Mac 1951 apabila Persidangan UMNO meluluskan slogan baru UMNO iaitu merdeka. Usul ini dicadangkan oleh Garied bin Raof menang undi tipis 34 berbanding 33. Dato' Onn yang masih menjadi Presiden UMNO mengalukan keputusan ini malah menyeru barisan pemuda menggerakkan.⁹ Tindakan menukar slogan adalah bagi menarik sokongan lebih ramai orang Melayu menyokong UMNO dan sekaligus menarik perhatian supaya bersama-sama dengan kepimpinan parti berusaha secara seirius untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Usaha mendapatkan kemerdekaan dilakukan oleh Tunku dengan serius apabila beliau menggantikan Dato' Onn Ja'afar sebagai Presiden UMNO pada 25 Ogos 1951. Bagaimanapun, satu masalah yang dihadapi oleh Tunku ialah lokasi ibu pejabat UMNO pada ketika itu di Johor Bahru, sedangkan beliau berada di Kuala Lumpur. Cabaran terawal Tunku sebaik sahaja menggantikan tempat Dato' Onn ialah memulihkan parti ini supaya bersatu. Tindakan Dato' Onn meninggalkan UMNO telah mempengaruhi ramai penyokongnya untuk meninggalkan UMNO. Keadaan ini melumpuhkan UMNO. Bagi membolehkan beliau memimpin UMNO dengan berkesan usaha awal dilakukan oleh Tunku ialah memindahkan pejabat UMNO ke Kuala Lumpur.¹⁰ Seterusnya, Tunku bertindak menfokuskan usaha mendapatkan kemerdekaan seiring dengan slogan "Merdeka".

Di pihak pegawai-pegawai British, mereka tidak yakin dengan kedudukan UMNO untuk memimpin kerajaan selepas merdeka. UMNO dilihat mempunyai ahli-ahli yang mempunyai pendekatan ekstrem pro-Indonesia yang perjuangan mereka tidak diterima oleh British. Ia dirujuk kepada beberapa pemimpin dalam UMNO seperti Shamsiah Fakeh, Aishah Ghani, dan Mustapha Hussein. Temu bual

pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan dengan Templer pada awal bulan Disember 1952, mengenal pasti masalah yang dirumuskan seperti yang berikut:

*"The country (Malaya) lacked political leaders and there were no political parties of the type required to operate successfully a parliamentary system. He mentioned particularly the political ineptitude of the Malays and said it was worried about the extremist pro-Indonesian trends in U.M.N.O. Communist penetration of the Malays was, he thought, one of the greatest of current dangers. He felt that the present need was for a strong Malayan centre party with a non-communal platform. The only hope for leadership was from a handful of Malays now in senior Government positions."*¹¹

Apa yang dinyatakan oleh Templer merupakan pandangan beliau yang tidak mengiktiraf perjuangan kumpulan nasionalisme radikal Melayu dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Sedangkan organisasi ini lebih awal, iaitu pada tahun 1937, memperjuangkan gerakan nasionalisme yang menuntut kemerdekaan. Sebaliknya Templer telah menahan pemimpin-pemimpin PKMM terutamanya Burhanuddin al-Helmy, dan Ahmad Boestamam lalu mengharamkan organisasi ini. Kesempatan telah digunakan oleh pihak British apabila mengumumkan perintah Darurat yang menganggap golongan radikal Melayu sebagai golongan kiri seolah-olah bersubahat dengan PKM. Langkah Templer penting kepada sejarah negara kerana membuka peluang kepada kumpulan konservatif Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Tunku memulakan perjuangan mendapatkan kemerdekaan dengan menyusun strategi bersama-sama pemimpin dari UMNO, MCA dan kemudiannya MIC. Beliau menyedari pilihan raya pertama di Tanah Melayu adalah penting bagi membuka jalan ke arah mendapatkan kemerdekaan. Kesangsian timbul dalam kalangan ahli politik Tanah Melayu khususnya daripada UMNO dan MCA mengenai usaha British untuk campur tangan dan mempengaruhi keputusan pilihanraya tersebut. Kemenangan ahli-ahli UMNO dan MCA dalam pemilihan Majlis Bandaran di Alor Setar dan Seremban memperkuat keyakinan politik pemimpin-pemimpin kedua-dua parti ini. Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan di Alor Setar pada bulan September 1953 telah meluluskan usul tuntutan pilihan raya bagi Majlis Perundangan pada tahun 1954.¹² Sementara itu pihak British menubuhkan Sistem Ahli dan melantik beberapa pemimpin Tanah Melayu menganggotai antaranya termasuklah Dato' Onn Ja'afar, H.S Lee dan Dr. Ismail Abdul Rahman. Tunku sebaliknya menolak tawaran pihak British.¹³ Alasan Tunku ialah tidak mahu terikat dengan kerajaan British sebaliknya mahu menyusun usaha tuntutan kemerdekaan. Pelantikan beberapa ahli baharu menyebabkan berlaku perubahan jawatan. Dato' Onn Ja'afar berpindah daripada Kerajaan Tempatan kepada Hal Ehwal Dalam

Negeri; Dato' Nik Ahmed Kamil daripada Tanah, Perlombongan dan Komunikasi kepada kerusi baharu iaitu Perumahan Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar; Dr. Ismail Abdul Rahman menjadi ahli Tanah, Perlombongan dan Komunikasi; manakala H.S Lee menjadi ahli Kereta api dan Pelabuhan.

Penolakan daripada menjadi ahli Majlis Tanah Melayu memberikan ruang yang lebih banyak kepada Tunku untuk terlibat dalam kempen politik mendapatkan kemerdekaan. Di pihak kerajaan British pula, beberapa perkara yang sedang berlaku di Tanah Melayu dianggap mempengaruhi rancangan untuk mengadakan pilihan raya. Pertama, undang-undang Darurat yang dijalankan melambatkan rancangan pemulihan dan pembangunan negeri ini daripada kesan pendudukan tentera Jepun. Kedua, harga getah yang jatuh berterusan melemahkan kedudukan kewangan Persekutuan Tanah Melayu bagi menampung kos pemulihan dan pembangunan. Menjelang tahun 1953, jumlah defisit Persekutuan Tanah Melayu adalah sebanyak \$231 juta, satu angka yang agak tinggi. Dianggarkan menjelang tahun 1954, akibat kejatuhan harga getah pendapatan Tanah Melayu berkurangan sebanyak \$30 juta.¹⁴

Bagi kerajaan British, hubungan kaum adalah penting bagi menentukan masa depan Persekutuan Tanah Melayu dapat mencapai persefahaman politik. Oleh itu, kerajaan British menganggap usaha untuk merapatkan hubungan kaum khususnya orang Melayu dan Cina adalah penting sebagai asas kepada persediaan kemerdekaan. H.T. Bourdillon pegawai Pejabat Tanah Jajahan British memberikan komen beliau:

*'The successful handling of these delicate issues is of vital importance, since the prospects of avoiding communal strife in the future will be greatly improved if the basic Malay. Chinese communal problem can be dealt with satisfactorily at this stage.'*¹⁵

Bagaimanapun, masalah utama ialah sikap orang Melayu menentang cadangan pemberian kerakyatan kepada orang bukan Melayu khususnya orang Cina. Oleh itu, bagi pandangan Pejabat Tanah Jajahan British usaha awal yang perlu dilakukan di Tanah Melayu ialah memulihkan kedudukan ekonomi dan dalam masa yang sama mengadakan pembaharuan perlembagaan yang dapat diterima oleh semua kaum yang terlibat.

Menjelang awal bulan November 1953, pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan di London telah mengadakan mesyuarat membincangkan cadangan Jawatankuasa Kerja mengenai rancangan mengadakan pilihanraya di Tanah Melayu.¹⁶ Walaupun terdapat tuntutan agar membenarkan pegawai-pegawai Melayu perkhidmatan kerajaan dibenarkan mengambil bahagian bertanding dalam pilihan raya dengan alasan akan memberikan peluang kepada orang Melayu yang berpendidikan terlibat dalam politik, namun keputusan kerajaan British ialah

membenarkan mereka yang mahu bertanding bersara dengan diberikan pencen. Cadangan Perikatan adalah membenarkan golongan ini bertanding dalam pilihan raya dan jika berjaya diberikan kebenaran cuti tanpa gaji untuk tempoh satu penggal sahaja dalam Majlis Perundangan Persekutuan dalam masa yang sama mengekalkan jawatan dalam pentadbiran. UMNO ialah kumpulan kuat menyokong cadangan membenarkan pegawai Melayu bertanding dalam pilihan raya dan menganggap cadangan untuk mengeneipkan pegawai kerajaan daripada terlibat dalam pilihanraya sebagai *"an unnecessarily severe and sudden alteration in the present policy which has conceded to Government officials the right to sit and vote as unofficial whilst continuing to hold and function in their civil offices."* Tunku dan Dato' Abdul Razak mempunyai hubungan baik dengan pegawai-pegawai pentadbiran Melayu yang menyertai *Malayan Forum* dengan mengharapkan mereka dapat menyertai pilihanraya sebagai calon UMNO. Tanpa penglibatan pegawai-pegawai kerajaan ia akan menghancurkan kepentingan orang Melayu dan menuntut kerajaan British menerima cadangan mereka.

Satu lagi keputusan yang diambil oleh Pejabat Tanah Jajahan ialah mencadangkan sebanyak tiga orang ahli *ex-officio* dalam Majlis Perundangan dan Eksekutif, iaitu Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan, yang kesemuanya pegawai British. Keanggotaan mereka dalam kedua-dua majlis merupakan penerusan kepada dasar pentadbiran British di Tanah Melayu.

Reaksi pihak British terhadap tuntutan kemerdekaan daripada penduduk Melayu terutamanya yang diperjuangkan oleh Tunku Abdul Rahman mendapat reaksi positif daripada Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu. Templer menganggap terdapat dua isu kontroversi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja: pertama, pengagihan jumlah kerusi yang perlu diberikan antara ahli yang dipilih menganggotai Majlis Perundangan. Kedua, persoalan sama ada membenarkan pegawai-pegawai kerajaan untuk bertanding dalam pilihan raya.¹⁷ Terdapat perbezaan jumlah kerusi yang dituntut antara Perikatan dan IMP. Ahli-ahli IMP menuntut sebanyak 42 daripada jumlah 88 kerusi diberikan (dipertandingkan), manakala Perikatan menuntut 57 daripada 93 kerusi perlu dipertandingkan¹⁸. Ahli-ahli IMP seterusnya mencadangkan 10 kerusi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan tujuan *'safeguarding the special position of Malays and the legitimate interests of other communities as stated in Clause 19 of the Federation of Malaya Agreement.'*¹⁹ Sebaliknya UMNO menolak sebarang tambahan kerusi serta:

"argue that the Malays do not wish to be accorded any special treatment and that during the years that this policy had been adopted by the Government it had failed in its purpose of helping the Malays to attain equality with other races instead, it had tended to place them in an inferior position and them more dependent on outside assistance."

Tunku bimbang langkah memberikan terlalu banyak "perlindungan" terhadap orang Melayu boleh menyebabkan mereka terlalu bergantung pada kerajaan dan juga dieksploitasi oleh golongan berkepentingan.

Menjelang tahun 1952 matlamat parti-parti politik di Tanah Melayu tertumpu terhadap usaha terlibat dalam pilihan raya. Tumpuan kedua-dua Perikatan dan IMP adalah untuk mengadakan pilihan raya umum peringkat Persekutuan, sebaliknya kurang menekankan mengenai rancangan pilihan raya peringkat negeri. Ini disebabkan kerajaan British menghadapi masalah untuk mengadakan pilihan raya negeri kerana cadangan Jawatankuasa Kerja mengenainya dinilai sebagai *confused and unsatisfactory*. Dalam masa, yang sama Pejabat Tanah Jajahan British menganggap langkah mengadakan pilihan raya peringkat Persekutuan terlebih dahulu memperkuat sebuah kerajaan dan juga dianggap "*would be better served by the introduction of democracy at the centre before it reached the States*."²⁰ Walaupun berminat menyertai pilihanraya, namun UMNO tidak bersedia dari segi kewangan menghadapi dua pilihan raya serentak. Menurut Tunku, pilihan raya Persekutuan sahaja memerlukan UMNO kos sebanyak \$250,000.²¹ Ia satu kos yang besar sedangkan sumber kewangan UMNO kecil dan terhad. Oleh itu, Tunku terpaksa mencari jalan bagi membolehkan UMNO menyertai pilihan raya. Satu pilihan yang ada ialah mengadakan kerjasama dengan MCA yang mempunyai kedudukan kewangan yang kuat.

Sebagai langkah awal terhadap usaha kemerdekaan, Tunku memberikan tekanan kepada kerajaan British agar UMNO dan MCA dalam Perikatan diberikan peluang untuk memberikan cadangan terhadap pembentukan pilihan raya Persekutuan.²² Alasan Tunku ialah oleh sebab UMNO dan MCA mewakili majoriti penduduk Melayu dan Cina di negeri ini, maka pihak British tiada alasan untuk mengetepikan tuntutan mereka. Tekanan kuat daripada Tunku telah menyebabkan kerajaan British bersetuju menerima wakil UMNO dan MCA dalam Jawatankuasa Pilihan raya Persekutuan.²³ Namun demikian, usaha Tunku menghadapi halangan apabila wakil UMNO dan MCA merupakan suara kecil dalam Jawatankuasa Kerja mengenai pilihan raya dan cadangan mereka tidak dapat mempengaruhi laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kerja.

Sebagai tindak balas Tunku telah mengadakan persidangan kebangsaan Perikatan pada 14 Febuari 1954. Persidangan ini telah mengeluarkan petisyen yang kemudiannya dihantar kepada Gerald Templer, dan Raja-Raja Melayu menuntut jumlah minimum satu pertiga ahli yang dipilih menduduki Majlis Perundangan. Isu jumlah ahli dipilih terus menjadi pertikaian apabila satu pihak daripada kumpulan majoriti (IMP) mencadangkan sebanyak 44 daripada jumlah 100 ahli, sedangkan UMNO/MCA mencadangkan 60 daripada 100. Bagaimanapun, keputusan akhir dibuat oleh Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 27 Mac 1954 bersetuju meletakkan jumlah 52 daripada 99 kerusi. Bagaimanapun, keputusan Majlis Raja-

Raja dikritik oleh Perikatan dan sebagai langkah susulan, Tunku berusaha mengadakan rundingan dengan Lyttelton, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan. Tunku dalam suratnya kepada Lyttelton pada 1 April mendakwa Majlis Raja-Raja membelakangkan pandangan penduduk Tanah Melayu yang diwakili oleh parti-parti politik, khususnya UMNO dan MCA.²⁴ Usaha Tunku untuk bertemu dengan Lyttelton bagi membincangkan tuntutan pilihan raya telah ditolak. Sebaliknya Lyttelton tidak menerima alasan Tunku untuk menggunakan Laporan Jawatakuasa Rendell sebagai asas tuntutan kerana ia tidak dianggap sebagai satu perjanjian antara kerajaan British dengan Majlis Raja-Raja. Perjanjian Persekutuan jelas Lyttelton mensyaratkan kerajaan British berunding dengan Raja-Raja Melayu secara sulit.²⁵ Seterusnya Lyttelton mendakwa jika beliau menerima rombongan Tunku ini bermakna beliau akan membuka ruang perbincangan dengan pihak-pihak lain. Dalam masa yang sama, Lyttelton enggan mengadakan sebarang bentuk rundingan rasmi mengenai cadangan Perlembagaan dengan rombongan Tunku. Keengganan Lyttelton menyebabkan Tunku menggunakan Lord Omore, yang dikenali Tunku semenjak tahun 1930-an di Pulau Pinang, menasihati Lyttelton menerima rombongan Tunku.²⁶ Sambil menasihati Lyttelton menerima rombongan Tunku, Omore menganggap ia satu kesilapan bagi Lyttelton "... *to refuse to meet an important Delegation from the Colonies and always causes much resentment.*"²⁷ Atas tekanan kuat Omore, Templer dan MacGillivray, akhirnya Lyttelton bersetuju menemui rombongan Tunku pada 14 Mei 1954.

Sebelum berangkat ke London untuk bertemu Setiausaha Tanah Jajahan British, Tunku telah menganjurkan perhimpunan Agong khas UMNO di Melaka pada 18 April dihadiri seramai 1,500 orang termasuk seramai 100 perwakilan UMNO seluruh Tanah Melayu. Perhimpunan ini adalah yang bersejarah bagi Tunku untuk mendapatkan sokongan padu daripada orang Melayu menyokong tuntutan beliau terhadap usaha mendesak kerajaan British menerima cadangan beliau. Langkah ini adalah sebagai usaha membuktikan kepada kerajaan British bahawa UMNO mendapat sokongan orang Melayu. Perhimpunan khas ini telah meluluskan usul tuntutan mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu serta mengadakan pilihan raya penuh untuk memilih ahli Majlis Perundangan Persekutuan.²⁸ Bagaimanapun, kerajaan British telah menolak permintaan Tunku dan rombongan pertama UMNO dan MCA yang turut dihadiri oleh T.H Tan dan Dato' Abdul Razak Hussein disebabkan kerajaan British tidak mahu membincangkan kemerdekaan tanpa melibatkan Raja-Raja Melayu.²⁹ Usaha Tunku untuk menuntut Lyttelton membatalkan cadangan Majlis Raja-Raja memberikan 52 kerusi sebaliknya memberikan sebanyak sekurang-kurangnya tiga per lima kerusi yang dipilih juga turut gagal.³⁰ Sambil menolak cadangan rombongan Tunku, Lyttelton jelas mempertahankan dasar kerajaan British hanya mengiktiraf Majlis Raja-Raja sebagai badan yang mempunyai kedudukan rasmi menentukan kedudukan Majlis Perundangan dan syarat-syarat pilihan raya Persekutuan.³¹

Penolakan pihak British terhadap tuntutan tiga perlima jumlah ahli Majlis Perundangan yang merupakan asas kepada tuntutan UMNO mengecewakan pemimpin UMNO. Jawapan bertulis Lyttelton kepada Tunku telah dibincangkan secara serius dalam mesyuarat khas Perikatan pada 25 Mei 1954. Hasilnya satu memorandum telah diserahkan oleh wakil Perikatan diketuai oleh Tunku, H.S Lee, Dr Ismail Abdul Rahman dan Leong Yew Koh kepada Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Memorandum yang diserahkan menyatakan prinsip Perikatan, iaitu:

*"That the White Paper to introduce national elections in the Federation of Malaya is not acceptable to the Alliance and, therefore, the Alliance strongly opposes its implementation by the Federation Government."*³²

Sebagai langkah ke arah mempersiapkan kerajaan sendiri, Perikatan juga menuntut kerajaan British menubuhkan sebuah suruhanjaya bebas secepat mungkin mengandungi ahli-ahli dari luar Tanah Melayu mengkaji pembaharuan perlembagaan.³³ Perikatan menganggap pembaharuan perlembagaan sebagai pembaharuan keseluruhan rangka kerja Perjanjian Persekutuan dan bukanlah hanya melakukan pindaan bagi mengadakan pilihan raya Persekutuan, malah ia jauh lebih luas daripada itu termasuklah menentukan hubungan antara kerajaan Persekutuan dan negeri, kedudukan Raja-Raja dari segi perlembagaan.³⁴

Bagi meyakinkan kerajaan British menerima memorandum Perikatan, Tunku telah mengingatkan Templer bahawa jika ia ditolak, akan menyebabkan sebahagian ahli-ahli UMNO dan MCA meninggalkan parti. Ia akan mendedahkan UMNO jatuh ke tangan golongan ekstrim yang bakal mengundang kesukaran bagi kerajaan British untuk mendapat kerjasama daripada orang Melayu terhadap usaha ke arah kemerdekaan. Akhbar *Straits Times* yang mengikuti perkembangan ini melaporkan bahawa Perikatan menuntut penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji persoalan pilihan raya Persekutuan. Keengganan kerajaan British menerima tuntutan Perikatan akan menyebabkan ahli-ahli Perikatan memboikot kerajaan dan meletakkan jawatan daripada semua keahlian dalam Majlis Perundangan. Templer menghadapi kesukaran kerana tuntutan Perikatan ini ditentang oleh Raja-Raja dan IMP. Bagi pihak kerajaan British, persetujuan Raja-Raja Melayu adalah penting bagi memulakan usaha ke arah kemerdekaan.

Tuntutan bagi diadakan pilihan raya dan tuntutan tiga perlima jumlah ahli anggota Majlis Perundangan sebenarnya tidak memihak kepada UMNO. Ia menjadi kesukaran kepada Tunku untuk memberikan tekanan kepada kerajaan British. Dua faktor utama yang dihadapi oleh Tunku ialah sikap kerajaan British terhadap kedua-dua isu adalah konsisten, malah menganggap bahawa hanya kerajaan British dan Majlis Raja-Raja Melayu sahaja yang berhak membuat keputusan. Kedua,

rancangan untuk mengadakan pemulauan dengan cara peletakan jawatan ahli-ahli UMNO daripada ahli Majlis Perundangan bukanlah semudah yang disangka. Kecuali, ahli-ahli yang dianggap ekstrim, tetapi bagi ahli-ahli *moderate* dalam UMNO, keputusan ini dianggap membelakangkan Raja-Raja Melayu. MacGillivray mendapat maklumat awal bahawa beberapa ahli UMNO tidak bersedia meletakkan jawatan daripada Majlis Perundangan dan Majlis negeri kerana bimbang langkah ini dianggap menderhaka kepada sultan.³⁵ Rancangan pemulauan UMNO ini juga dilihat sukar dilakukan di Johor kerana mereka perlu memberikan alasan rasional kepada penduduk dan sikap orang Cina berkemungkinan akan memilih wakil bukan daripada MCA jika pilihan raya diadakan. Sambil menolak cadangan UMNO untuk mengadakan sebuah Suruhanjaya Diraja mengenai pilihanraya dan Perlembagaan, MacGillivray hanya bersetuju menasihatkan Raja-Raja mempercepat pelantikan wakil Jawatankuasa Kerja bagi mengkaji hubungan kewangan dan perkara lain yang berkait antara Persekutuan dan negeri.³⁶

Usaha Tunku untuk memberikan tekanan kepada pihak British mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin MCA. Surat jawapan Lyttelton menolak tuntutan UMNO dan MCA bagi ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja mengenai pilihan raya dan perlembagaan yang diterima oleh Tan Cheng Lock pada 10 Jun 1954 telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Kerja Tertinggi MCA tiga hari kemudiannya. MCA telah membuat ketetapan menyokong tuntutan Tunku dan bersedia meminta ahli-ahlinya meletakkan jawatan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, negeri dan bandar.³⁷ Sokongan yang diberikan oleh pemimpin MCA telah memberikan sokongan moral kepada Tunku dan juga UMNO menyebabkan mereka bertambah yakin untuk membuat tuntutan dan menyukarkan kerajaan British. MacGillivray menganggap tindakan MCA ini memalukan kerajaan British.³⁸ Menjelang akhir bulan Jun 1954, akibat pengaruh H.S Lee dalam Dewan Perdagangan dan Dewan Perlombongan Cina, seramai lapan daripada tujuh belas ahli MCA yang menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan telah meletakkan jawatan.³⁹ Tindakan ahli-ahli MCA telah memalukan kerajaan British sebaliknya memperkuatkan tuntutan UMNO. Dalam masa yang sama, Dato' Abdul Razak telah memaklumkan Proctor, pegawai kerajaan British bahawa UMNO dan MCA akan menamatkan pemulauan sebaik sahaja menerima jawapan daripada Setiausaha Tanah Jajahan bersedia memenuhi tuntutan mereka.⁴⁰

Kesungguhan Tunku menuntut British mengadakan Suruhanjaya Diraja membuahkan hasil apabila akhirnya kerajaan British bersetuju mengarahkan MacGillivray mengemukakan cadangan berkenaan dalam Persidangan Raja-Raja pada 15 Julai 1954.⁴¹ Bagaimanapun, pihak British bimbang Majlis Raja-Raja akan menolak tuntutan UMNO kerana badan ini mempunyai kuasa veto (yang diberikan melalui Perjanjian Persekutuan 1948) terhadap sebarang cadangan perubahan perjanjian termasuklah perubahan perlembagaan. Pada pandangan British, keputusan menerima cadangan UMNO dan Perikatan mengenai Suruhanjaya Diraja

mengenai pilihan raya dan perlembagaan sebenarnya mempertikaikan kuasa Raja-Raja. Pihak Raja-Raja masih mahu mempertahankan kuasa mereka dalam pentadbiran negeri. Dalam masa yang sama, kerajaan British mendapati jika berlaku pertelingkahan dengan Raja-Raja Melayu mereka akan menghadapi masalah untuk mengagihkan sumber kewangan antara kerajaan persekutuan dan negeri.⁴² Ini kerana sumber kewangan yang diambil daripada negeri harus mendapat persetujuan Raja-Raja khususnya bagi membiayai kewangan Persekutuan.

Rancangan Perikatan memboikot Majlis Perundangan cuba diatasi oleh MacGillivray dengan mengadakan beberapa siri pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman, H.S. Lee, Dr. Ismail Abdul Rahman dan juga pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA yang lain. MacGillivray menganggap tindakan UMNO dan MCA diambil akibat salah faham mereka terhadap cadangan melantik tujuh orang ahli dalam majlis perundangan selepas dibentang untuk bacaan sebanyak dua kali dan mendapat perkenaan Raja-Raja Melayu. Malahan MacGillivray telah menjemput Tunku dan H.S Lee bertemu beliau pada 11 Jun 1954 iaitu dua hari sebelum UMNO dan MCA menjalankan pemulauan.⁴³ Tindakan UMNO dan MCA menimbulkan rasa syak wasangka daripada MacGillivray yang menganggap:

*"All these recent acts of the Alliance leaders have strengthen my suspicioun that some of them have never been desirous of a settlement and have for some time been intent on a trial of strength and are certainly ready to put party advantage before the best interests of the country."*⁴⁴

Terdapat beberapa pemimpin UMNO cuba mencari jalan keluar daripada kemelut mereka dengan kerajaan British. Dr. Ismail adalah antara tokoh yang berusaha mencari jalan penyelesaian tetapi beliau telah dibayangi oleh pengaruh Pemuda UMNO dan golongan ekstrem. Dalam masa yang sama, tuntutan UMNO dan MCA tidak disokong oleh IMP. Perbalahan antara H. S. Lee dan Dato' Onn akibat MCA menyertai UMNO dalam Perikatan menjadikan perselisihan kedua-dua tokoh lebih peribadi sifatnya.⁴⁵ Ia mempengaruhi sikap Dato' Onn untuk menentang tuntutan Perikatan sebaliknya berpandangan Raja-Raja Melayu mempunyai kuasa penuh terhadap keputusan berkaitan perlembagaan dan pilihan raya di Tanah Melayu.

Bagi mengelakkan tindakan pemulauan yang dirancang oleh Perikatan, kerajaan British berusaha memujuk Tunku untuk mengadakan perbincangan. MacGillivray telah mengadakan pertemuan dengan Tunku, Dr. Ismail dan H.S.Lee pada awal bulan Julai 1954 yang menghasilkan persetujuan Perikatan untuk melantik "*nominated reserve members*" Pelantikan ahli ini dilakukan oleh Pesuruhjaya Tinggi British selepas pilihanraya umum Persekutuan Tanah Melayu. Menurut MacGillivray, "*the primary purpose of these members is to give a voice in*

the Council to any important element which had not found adequate representation in the Council through the electoral process."⁴⁶ Tunku Abdul Rahman ketika memberikan persetujuannya kepada MacGillivray telah meminta supaya pelantikan "*reserved members*" ini melibatkan perbagai majlis, lembaga dan jawatankuasa yang masih dipegang oleh ahli-ahli Perikatan.⁴⁷

Kompromi yang tercapai mengenai pilihan raya Persekutuan telah diikuti oleh kemenangan Perikatan dalam pemilihan majlis perbandaran pada bulan Ogos 1954 di Ipoh, Taiping, Teluk Anson (Teluk Intan) dan juga dalam pilihan raya negeri pada bulan Oktober di Terengganu dan Johor. Menjelang bulan Disember, Perikatan memenangi pemilihan majlis perbandaran di Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang, Kelang dan Port Swettenham tetapi gagal di Seremban dan Butterworth. Sementara itu, Pejabat Tanah Jajahan di London juga mengalami perubahan apabila Lennox-Boyd menggantikan Oliver Lyttelton pada akhir bulan Julai 1955. Di peringkat serantau, pada 8 September 1954, Britain bersama-sama rakan sekutunya iaitu Amerika Syarikat, Australia, Perancis, New Zealand bersama-sama sekutu kuat mereka di Asia, iaitu Pakistan, Filipina dan Thailand menubuhkan *South-East Asia Treaty Organisation* (SEATO). Manakala Pejabat Kementerian Luar Britain juga mengalami perubahan perancangan dasar terhadap kedudukan mereka di Asia Tenggara apabila membuat keputusan untuk tidak melanjutkan tempoh jawatan Malcolm MacDonald sebagai Pesuruhjaya Agong British bagi Asia Tenggara. Malahan Kementerian Luar bersama-sama Pejabat Tanah Jajahan berbincang mengenai keperluan kedudukan jawatan Pesuruhjaya Agung ini. John Martin, Timbalan Setiausaha Pejabat Kolonial Britain (1956-1965) pernah memberikan pandangan beliau, "*.. whether a new Commissioner-General should be appointed with much the same functions as Mr. MacDonald or some change should be made in the organisation.*"⁴⁸

Tuntutan kemerdekaan yang semakin kuat di Tanah Melayu mempengaruhi kerajaan British untuk menyusun strategi kedudukan masa depan mereka selepas mereka meninggalkan negeri ini. Menjelang bulan September 1954, Pejabat Tanah Jajahan British di London telah menghantar kawat kepada semua misi Pesuruhjaya Tinggi mereka di serata dunia memaklumkan kesediaan kerajaan British memenuhi tuntutan berkerajaan sendiri - "*A united Malayan nation, self-governing within the Commonwealth, is the aim of United Kingdom policy in Malaya.*"⁴⁹ Seterusnya memorandum yang dihantar memaklumkan:

*"We believe that it will be in the best interests of Malaya, when self-government comes, to remain within the Commonwealth and continue to share in its political and economic strength, but has always been made clear that that decision will be left to the free choice of a self-governing Malaya."*⁵⁰

Dalam masa yang sama, Pejabat Kolonial British menggariskan halangan utama bagi mencapai usaha ini ialah Darurat, penduduk berbilang kaum, struktur politik yang melibatkan sembilan buah negeri Melayu serta dua Negeri-Negeri Selat dan pergantungan ekonomi Persekutuan Tanah Melayu terhadap dua komoditi utama iaitu getah dan bijih timah.⁵¹

Pejabat Tanah Jajahan British mengakui bahawa masalah untuk mewujudkan *a united nation* daripada beberapa kaum di Tanah Melayu bukanlah mudah untuk diselesaikan. Soal utama ialah mengenai kedudukan orang Melayu dan Cina. Analisis yang dibuat oleh mereka adalah seperti yang berikut:

*"The Malays, as the indigenous race, enjoy a preponderance of political power and are reluctant to admit the Chinese to an equal share in it without practical evidence that the Chinese look to Malaya as their permanent home and the only fount and object their loyalty. The Chinese, who largely sustain and control the economic life of the country, increasingly look to a greater part in its Government, without which they are reluctant to turn their backs on China and commit themselves unequivocally to a new allegiance. They are powerfully drawn by tradition and emotion towards the country of their origin, whether their eyes turn to Peking or to Formosa."*⁵²

Sebagai usaha yang difikirkan oleh kerajaan British untuk menyelesaikan masalah kerakyatan ialah mewujudkan "a single body of citizens" yang lebih terbuka yang membolehkan kaum lain menyertainya. Ia membolehkan semua kaum terlibat dalam semua peringkat meliputi sekolah, perkhidmatan tentera, polis, perkhidmatan awam, dunia perniagaan, universiti dan lain-lain. Usaha ini bagaimanapun menghadapi masalah apabila disedari bahawa orang Cina tidak meminati perkhidmatan tentera, polis dan awam. Walaupun terdapat orang Melayu melibatkan diri dalam dunia perniagaan namun ia hanya mengalami sedikit kemajuan. Usaha kerajaan British untuk memperkenalkan pembaharuan perlembagaan terutamanya pembaharuan berasaskan kepada persamaan hak dan peluang bagi semua kaum menghadapi tentangan daripada Raja-Raja Melayu. Bagaimanapun, ia mengalami perubahan bermula dengan perjanjian pada tahun 1954 dengan kebenaran mengadakan pilihan raya peringkat negeri, bandaran dan Persekutuan.

Kedudukan Darurat turut menjadi faktor yang dipertimbangkan ke arah usaha mendapatkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Anthony Head, Setiausaha Negara bagi Jabatan Perang pada bulan November 1954 telah memberikan pandangan beliau bahawa walaupun kerajaan Britain tidak mempunyai cadangan untuk berada selama-lamanya di Tanah Melayu, namun memberi amaran bahawa kemerdekaan akan menyebabkan pengunduran tentera British dari Tanah Melayu. Menurut Lord Head:

*"If this happens they believe, rightly in my opinion, that an independent Malaya without British troops will be incapable of holding back Communists subversion and infiltration and that the eventual domination of Malaya by the Communists in the cold war will be inevitable."*⁵³

Kerajaan British mahukan pemimpin Tanah Melayu menyedari bahawa ancaman komunis terutama dari China ke negeri-negeri Asia Tenggara benar-benar serius. Oleh itu, Boyd mahukan pemimpin politik Tanah Melayu dipengaruhi bahawa mereka perlu bergantung pada perlindungan kerajaan Britain daripada ancaman komunis China.⁵⁴ Usaha mempengaruhi pemikiran pemimpin Perikatan telah dilakukan oleh pegawai-pegawai British di Tanah Melayu dan ia menjadi faktor penting yang membawa kepada keputusan Tunku untuk mengadakan perjanjian pertahanan Anglo-Malaya selepas Tanah Melayu merdeka.

Menjelang awal tahun 1955, kerajaan Britain menyedari bahawa soal pemberian kemerdekaan kepada Tanah Melayu tidak lagi dapat dielakkan. Kedudukan ini menyebabkan kerajaan Britain melalui Pejabat Tanah Jajahan menyusun dua matlamat utama mereka, iaitu pertama memandu Tanah Melayu membentuk sebuah kerajaan sendiri secepat mungkin; kedua, memastikan bahawa Tanah Melayu akan terus berada dalam pakatan Komanwel selepas merdeka. Kegagalan memastikan kedua-dua matlamat ini berjaya akan memberikan kesan buruk kepada Britain. Sebagai langkah utama, pejabat Tanah Jajahan British di London telah digesa mengambil usaha untuk menamatkan Darurat di Tanah Melayu secepat mungkin. Dalam masa yang sama, usaha juga perlu dilakukan bagi merapatkan hubungan antara Melayu dan Cina. Untuk mencapai matlamat ini, Boyd mengharapkan UMNO dan MCA dalam gabungan Perikatan dapat memainkan peranan merapatkan hubungan orang Melayu dan Cina.⁵⁵

Peranan Lennox-Boyd

Ketika menyediakan kertas kerja bagi menerangkan komitmen kerajaan British terhadap tanggungjawab pertahanan Tanah Melayu, Lennox-Boyd memberikan jaminan bahawa kerajaannya akan membantu Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri secepat mungkin. Namun demikian, Lennox-Boyd mengenal pasti terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh Tanah Melayu. Pertama, masalah Darurat dan ancaman komunis yang perlu ditamatkan atau sekurang-kurangnya dapat dikawal. Kedua, masalah berkaitan wujudnya jurang hubungan antara kaum Melayu dan Cina yang boleh mendatangkan kesan ancaman keamanan. Ketiga, *"the economy and administrative fabric of the country must be sufficiently developed and stable to sustain the burden of self-government"*. Masalah terakhir ialah pemberian berkerajaan sendiri akan memerlukan Tanah Melayu mendapatkan perjanjian

pertahanan dengan Britain bagi melindungi negara daripada ancaman luar serta serangan pengganas komunis.⁵⁶ Pandangan Lennox-Boyd membayangkan bahawa walaupun kerajaan British menyokong usaha mendapatkan hak berkerajaan sendiri, namun terdapat masalah yang perlu ditangani oleh Tanah Melayu secara sendiri dan juga bantuan pihak British.

Menyedari akan tekanan kuat terhadap perubahan perlembagaan di Tanah Melayu yang akan mengambil tempat sebaik sahaja selepas pilihan raya, Lennox-Boyd merancang untuk mengadakan lawatan ke Tanah Melayu antara 21 Ogos hingga 2 September 1955. Pilihan raya Persekutuan Tanah Melayu berlangsung pada 27 Julai 1955 menjadi titik tolak kepada perubahan perlembagaan di negeri ini kerana ia menjadikan ahli yang dilantik menjadi kecil. Buat pertama kali sebuah kerajaan akan dibentuk daripada parti yang memenangi pilihan raya. Kesemua parti yang bertanding telah melahirkan komitmen mereka untuk menghormati penubuhan satu bentuk suruhanjaya bagi mengkaji perlembagaan sebagai persediaan kepada sebuah kerajaan sendiri. Menyedari akan perkembangan ini Lennox-Boyd telah mengingatkan anggota kabinetnya bahawa tekanan akan menjadi kuat terhadap tuntutan berkerajaan sendiri. Oleh itu, mereka harus mengambil inisiatif untuk membantu Tanah Melayu. Kebimbangan adalah mengenai keupayaan Tanah Melayu yang amat terhad tanpa bantuan pihak British mengendalikan soal keselamatan dan ancaman luar. Dalam memo yang dihantar oleh Lennox-Boyd kepada rakan-rakan kabinetnya beliau mengingatkan:

"It is therefore important to anticipate this development and to bring the leaders of political opinion in the Federation to face the need to make satisfactory arrangements to ensure their survival against hostile forces before they proceed to the more congenial task of discussing the next stage of development towards internal self-government. If we do not make the next move, others will, with really embarrassing consequences."⁵⁷

Bagi mengadakan perubahan perlembagaan, Lennox-Boyd mencadangkan agar kerajaan Britain mengadakan rundingan terus dengan Majlis Raja-Raja menyesuaikan perkara yang berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan dan bukannya melahirkan perjanjian baru. Manakala pemimpin-pemimpin parti politik dibenarkan terlibat sebagai penasihat kepada Majlis Raja-raja. Terdapat enam perkara yang dinyatakan perlu mendapatkan pandangan Raja-Raja Melayu, iaitu tanggungjawab kerajaan Britain mempertahankan Tanah Melayu; tanggungjawab menjaga keselamatan dalam negeri; mempertimbangkan hubungan kewangan antara Britain-Tanah Melayu; hubungan Tanah Melayu dengan Britain selepas merdeka; soal kewarganegaraan Tanah Melayu; dan keahlian dan bidang tugas suruhanjaya perlembagaan.⁵⁸

Sebagai reaksi pandangan Lennox-Boyd, Pejabat Tanah Jajahan memberikan perhatian besar terhadap soal kerakyatan Tanah Melayu khususnya kesukaran orang Cina mendapat taraf kerakyatan. Taraf kerakyatan yang dicadang berasaskan kepada kelahiran ibu bapa di Tanah Melayu sukar dipenuhi oleh orang Cina kerana kebanyakan mereka yang berkahwin tidak membuat pendaftaran rasmi. Oleh itu, lahirlah idea daripada Pejabat Tanah Jajahan British menawarkan taraf kerakyatan yang longgar berasaskan prinsip *jus soli* atau kelayakan hanya dengan lahir di Tanah Melayu. Bagi penduduk bukan Melayu yang berada di Negeri-Negeri Selat, mereka tidak mengalami masalah kerana sesiapa yang lahir di Negeri-Negeri Selat secara automatik memperoleh taraf kerakyatan United Kingdom dan Tanah Jajahan dan dengan mudah memperoleh taraf kerakyatan Tanah Melayu.⁵⁹ Reaksi daripada Perikatan berbeza berbanding Parti Negara. Perikatan mahukan ahli-ahli suruhanjaya yang dilantik terdiri daripada mereka yang dilantik dari luar Tanah Melayu, datangnya dari negara-negara Komanwel. Manakala Parti Negara mahukan keahlian suruhanjaya daripada ahli tempatan. Pejabat Tanah jajahan juga dalam waktu yang sama mempertimbangkan soal menubuhkan majlis perundangan negeri melalui proses pilihan raya. Penubuhan ini, bagaimanapun akan menjejaskan kedudukan Raja-Raja kerana amalan yang sedia ada Raja berkuasa melantik Menteri Besar sedangkan selepas ini Menteri Besar merupakan penyandang jawatan politik. Keperluan pihak British ialah memberikan kuasa yang lebih banyak kepada Majlis Raja-Raja.

Raja-Raja Melayu sebaliknya lebih berhati-hati dalam membuat keputusan mengenai sebarang perubahan yang akan diambil terhadap kedudukan perlembagaan Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, Raja-Raja Melayu masih mempunyai ingatan yang kuat terhadap rancangan Malayan Union serta cara buruk yang dilakukan oleh Harold MacMichael mendapatkan tandatangan mereka. Perkembangan semasa di Tanah Melayu yang memperlihatkan minat yang besar penduduk terhadap perubahan perlembagaan mempengaruhi Raja-Raja Melayu untuk mempertimbangkan keperluan perubahan perlembagaan. Keadaan ini juga telah mempengaruhi mereka untuk bertemu dengan Lennox-Boyd bagi membangkitkan beberapa persoalan asas, iaitu cadangan sebuah suruhanjaya khas bagi mengkaji perlembagaan baharu.⁶⁰ Untuk itu, MacGillivray telah menasihatkan Lennox-Boyd supaya tidak terburu-buru menyediakan sebuah kertas cadangan kepada Raja-Raja Melayu sebaliknya mengadakan siri perbincangan dengan pemimpin Perikatan.

Di pihak Perikatan, Tunku juga mengalu-alukan kedatangan Lennox-Boyd ke Tanah Melayu tetapi mengingatkan kerajaan Britain bahawa dengan kemenangan besar Perikatan, London tidak boleh mengetepikan kedudukan Perikatan.⁶¹ Menyedari akan reaksi Raja-Raja Melayu, Tunku juga telah mengubah pendirian beliau mengenai suruhanjaya perlembagaan. Jika pada awalnya beliau mencadangkan ahli-ahli suruhanjaya terdiri daripada wakil dari luar Tanah Melayu,

Tunku kemudiannya mencadangkan ahli suruhanjaya terdiri daripada penduduk Tanah Melayu tetapi mahukan pengerusinya dari India atau Ceylon atau negara lain dan bukannya dari United Kingdom.⁶² Kemenangan besar Perikatan dalam pilihan raya Persekutuan turut meninggalkan kebimbangan mengenai kedudukan mereka dalam kalangan pegawai *expatriate* dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Sewaktu berkempen pilihanraya, pemimpin Perikatan telah membangkitkan rancangan mereka terhadap pentadbiran Tanah Melayu secepat mungkin dengan cara menggantikan perkhidmatan *expatriate* dengan penduduk tempatan.

Perubahan Perlembagaan

Menjelang tahun 1955 berlaku perkembangan dalam perubahan perlembagaan di Tanah Melayu. Pentadbiran British cuba menambah baik sistem perundangan dengan merangka cadangan menubuhkan badan perundangan Persekutuan mengandungi ahli yang dilantik dan dipilih. Bagaimanapun jumlah kumpulan yang dilantik menjadi majoriti sebanyak 6 kerusi berbanding ahli yang dipilih dengan jumlah keseluruhan adalah 98. Seramai 46 ahli yang dilantik dalam Majlis Perundangan dengan pecahan 11 orang dilantik daripada 11 negeri. Manakala 22 ahli dilantik mewakili bidang yang berkepentingan iaitu dalam bidang perdagangan, tanaman, perlombongan, pertanian dan organisasi kesatuan sekerja. Dengan keahlian yang dilantik dan dipilih. UMNO dan MCA yang baru memenangi 85 kerusi melalui pilihanraya majlis perbandaran menolak kaedah ini. Mereka telah mengarahkan wakil-wakil mereka meletakkan jawatan daripada menjadi ahli Majlis Persekutuan dan badan kerajaan. Langkah ini adalah sebagai satu ugutan kepada kerajaan British. UMNO memberikan alasan sepatutnya jumlah ahli yang dipilih hendaklah melebihi bilangan ahli yang dilantik dalam Majlis Perundangan.⁶³

Kesungguhan kepada persiapan ke arah berkerajaan sendiri yang ditunjukkan oleh UMNO menyebabkan pentadbiran British berhadapan dengan cabaran. Isunya adalah kerana pentadbiran British mahu ahli-ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan adalah daripada mereka yang dilantik bukannya dipilih melalui pilihanraya. UMNO dan sekutu partinya dalam Perikatan menolak kaedah British sebaliknya mahukan komponen yang dilantik haruslah lebih kecil berbanding dengan yang dipilih.

Pilihan Raya 1955

Pilihan raya ini merupakan permulaan kepada usaha membentuk kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Terdapat tiga parti utama yang bertanding, iaitu Perikatan (gabungan UMNO, MCA dan MIC), Parti Islam Se-Malaya dan Parti Negara, di samping beberapa parti kecil, iaitu Persatuan Kebangsaan Perak, Parti Buruh, Liga Melayu Perak dan Parti Progresif Perak. Andalan awal menyatakan bahawa walaupun persaingan kuat antara Perikatan dan Parti Negara, namun Perikatan dijangka

memenangi pilihan raya ini. Andaian ini didorong daripada perkembangan pilihan raya kerajaan tempatan yang diadakan sebelum ini di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Selangor yang memperlihatkan sokongan penduduk terhadap Perikatan.

Pilihan Raya Persekutuan 1955 mengandungi seramai 1.6 juta pengundi dengan peratusan pengundi sebanyak 84 peratus Melayu, 11 peratus Cina dan 4.5 peratus India. Sebanyak 1,679 pusat pengundian disediakan di seluruh Tanah Melayu di bawah pengendalian Jawatankuasa Penasihat Pilihan raya (*Election Advisory Committee*). Jawatankuasa ini mengandungi seramai lapan orang yang dilantik daripada ahli Majlis Mesyuarat Perundangan yang mewakili parti-parti utama, dua orang Setiausaha Negeri dan seorang Setiausaha Negeri-Negeri Selat, tiga orang dilantik oleh Ketua Setiausaha Tanah Melayu. Pegawai yang dilantik mengendalikan proses pilihan raya ialah T.E. Smith dikenali sebagai Penyelia Pilihan Raya (*Supervisor of Elections*) bertanggungjawab mengendalikan proses pengundian.

Permulaan kepada kerancangan pilihan Raya bermula pada hari penamaan calon yang diadakan pada 15 Jun 1955 dengan jumlah kerusi yang dipertandingkan sebanyak 52. Perikatan telah menunjukkan prestasi yang baik apabila memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Secara umum, calon-calon Perikatan memproleh 80 peratus daripada jumlah undi. Perikatan bertanding kesemua kerusi. Seramai 129 orang telah bertanding terdiri daripada semua parti dan mengikut taburan seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1 : Taburan Parti dan Calon dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955

	Melayu	Cina	India	Jumlah
UMNO/MCA/MIC – Perikatan	35	15	2	52
Parti Negara	29	1	-	30
Parti Islam Se-Malaya	11	-	-	11
Persatuan Kebangsaan Perak	8	1	-	9
Parti Buruh	-	2	2	4
Liga Melayu Perak	3	-	-	3
Parti Progresif Perak	1	-	1	2
Calon Bebas	16	1	1	18

Jumlah	103	20	6	129
--------	-----	----	---	-----

Sebaik sahaja memenangi pilihan raya, Tunku telah mengadakan pertemuan dengan MacGillivray bagi mendapatkan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi British mengenai keahlian majlis perundangan dan juga barisan kabinet Perikatan. Pembentukan Majlis Perundangan menjelang bulan Ogos 1955 memperuntukkan kerusi majlis berkenaan sebanyak 92 tidak termasuk lima kerusi simpanan dan satu kerusi wakil Melaka. Taburannya ialah 50 Melayu, 22 Cina, 5 India, 2 Ceylonese, satu Eurasian dan 12 Eropah. Bagi kerusi simpanan, Tunku telah menerima cadangan MacGillivray untuk melantik tiga kepada wakil Cina dan bakinya dua lagi daripada orang India. Tunku telah menamakan H.S Lee, S.M. Yong, penasihat Undang-undang Majlis Kebangsaan Perikatan dan K.L. Devaser, bekas Presiden *Malayan India Congress* (MIC) (1951-1955).⁶⁴

Isu kedua perbincangan Tunku dengan MacGillivray ialah berkaitan barisan kabinet Perikatan. Sebelum Tunku berunding dengan MacGillivray menghadapi masalah mendapat persetujuan dengan pemimpin Cina dan India.⁶⁵ Barisan kabinet baru mewujudkan Menteri Pertanian dengan penstrukturan semula beberapa jabatan di bawah Sumber-sumber Asli sebelum ini.

Jadual 2: Barisan Kabinet Perikatan 1955

Nama Jawatan	Penyandang
Ketua Menteri/Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	Tunku Abdul Rahman
Menteri Pengangkutan	H.S. Lee
Menteri Sumber-sumber Asli	Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman
Menteri Pelajaran	Dato Abdul Razak bin Hussein
Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat	Leong Yew Koh
Menteri Buruh	V.T. Sambanthan
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar	Sulaiman bin Dato Abdul Abdul Rahman
Menteri Pertanian	Abdul Aziz Ishak

Menteri Kerjaraya	Sardon Jubir
Menteri Pos dan Telekomunikasi	Ong Yoke Lin

Usaha UMNO menuntut dibentuk sebuah suruhanjaya bebas dari luar mengenai perlembagaan Tanah Melayu tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada ahli-ahli UMNO. Malahan Raja-Raja Melayu juga menolak cadangan tersebut. Ini kerana mereka menyedari bahawa cadangan suruhanjaya bebas sebenarnya datangnya daripada Tan Cheng Lock yang sememangnya membuat tuntutan suruhanjaya bebas perlembagaan semenjak Malayan Union.

Usaha Mendapatkan Persetujuan Raja-Raja Melayu

Tunku menghadapi cabaran untuk menyakinkan Raja-Raja Melayu untuk menerima rancangan kemerdekaan. Sedangkan persetujuan Raja-Raja Melayu adalah salah satu syarat yang diberikan oleh Pejabat Tanah Jajahan British bagi membuka usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Inilah faktor yang telah menyedarkan Tunku untuk mengajak bersama-sama Raja-Raja Melayu dalam rundingan kemerdekaan kali kedua pada tahun 1956. Atas inisiatif Tunku, beliau telah merancang perjalanan kedua-dua rombongan ke London melibatkan wakil Raja-Raja Melayu dan wakil kerajaan Perikatan menaiki kapal laut belayar sehingga ke Bombay, India.⁶⁶ Dari Bombay, rombongan berkenaan menaiki penerbangan ke London. Tujuan Tunku menyusun perjalanan sebegini ialah agar menggunakan masa selama 14 hari pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-Raja Melayu dan mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama apabila berunding dengan kerajaan British. Ini bagi membolehkan tuntutan kemerdekaan dibuat seirama dan senada agar kerajaan British tiada lagi alasan untuk menolak tuntutan kemerdekaan.

Kebimbangan Tunku terhadap wakil Raja-Raja Melayu dipengaruhi oleh kebanyakan Menteri Besar di negeri-negeri Melayu yang merupakan penyokong kuat kepada Dato' Onn Ja'afar, ketua Independent Malaya Party (IMP) dan kemudiannya Parti Negara yang membuat tuntutan kemerdekaan dengan kaedah yang lain. Dato' Onn menuntut kemerdekaan Tanah Melayu diberikan apabila negeri ini benar-benar sudah bersedia dalam erti kata lain penduduknya sudah mampu berdikari dan tidak lagi perlu bergantung pada pihak British, khususnya dalam bidang ekonomi dan pertahanan. Sebaliknya pendekatan Tunku pula ialah mendapatkan kemerdekaan secepat mungkin daripada kerajaan British dan selepas itu barulah dilakukan pengisian kemerdekaan. Kaedah ini juga mempengaruhi sikap Tunku untuk terus mengadakan hubungan dengan Britain dan negara-negara

Komanwel yang lain. Dalam usaha ini, Tunku menyusun rancangan Tanah Melayu menjadi ahli pertubuhan Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dengan cara ini, Tanah Melayu dapat terus menjalankan hubungan ekonomi, perdagangan dan pertahanan dengan negara-negara Komanwel. Sebaik sahaja merdeka Tanah Melayu menyertai kerjasama perdagangan dalam badan ini dan menikmati sistem keutamaan Komanwel (*Commonwealth Preferential Tariff System*). Kedudukan ringgit Tanah Melayu diikat dengan mata wang Pound Sterling bertujuan meningkatkan nilai matawang ringgit.

Terdapat dua cabaran utama yang dihadapi oleh Tunku terhadap Tanah Melayu. Pertama, pembentukan sebuah masyarakat (baharu) yang berpegang pada prinsip keharmonian kaum. Cabaran Tunku ialah bagaimana membawa persepakatan antara tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India dalam sebuah negara baru merdeka. Kesan penentangan rancangan Malayan Union ialah kebangkitan semangat kebangsaan yang tinggi dalam kalangan orang Melayu menentang usaha British yang cuba meminggirkan kedudukan Raja-Raja dan orang Melayu serta usaha memberikan taraf kerakyatan berasaskan prinsip *jus soli* kepada bukan Melayu. Penubuhan gagasan Perikatan memenangi pilihan raya umum pertama pada tahun 1955 adalah satu cubaan terhadap kerjasama antara kaum dalam bidang politik. Ia masih belum dapat membuktikan bahawa orang Melayu dapat menerima kaum lain sebagai rakan dan sahabat yang setaraf. Apa yang berlaku ialah perasaan curiga mencurigai terhadap kaum lain. Orang Melayu masih dipengaruhi dengan perjuangan politik serantau sama ada Melayu Raya atau Indonesia Raya.

Kedua, pembangunan negara yang seimbang dengan memberikan tumpuan kepada kaum Melayu yang masih ketinggalan jauh berbanding kaum Cina. Dalam bidang pembangunan, dua kelemahan utama orang Melayu ialah pendidikan dan taraf ekonomi. Bukan sahaja tidak ramai orang Melayu terlibat dalam bidang-bidang profesional, malahan masih ramai kaum ini yang tidak memperoleh pendidikan tinggi. Dalam bidang ekonomi, selain berpendapatan rendah, orang Melayu juga hanya menguasai sekitar 5-10 peratus kegiatan ekonomi negara.

Struktur dan asas negara pelbagai kaum yang dibina oleh Tunku adalah suatu yang cukup unik dan dianggap baharu. Antaranya termasuklah kewujudan sebuah negara yang mempunyai perlembagaan bertulis yang menjanjikan amalan demokrasi berparlimen dan dalam masa yang sama mengekalkan kedudukan institusi Raja, lambang ketuanan orang Melayu. Perlembagaan yang dibina di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia mengambil kira faktor sejarah, budaya dan tradisi masyarakat tempatan dan dalam masa yang sama mengiktiraf kedudukan kaum bukan Melayu yang diberikan taraf kerakyatan. Dalam hal ini, dua pendekatan yang digunakan oleh Tunku, pertama, meletakkan dalam kerangka bertulis yang dinamakan perlembagaan. Kedua, meletakkan dalam kerangka persefahaman yang

dikenali sebagai kontrak sosial. Bagi Tunku, tidak semua pendekatan sesuai diletakkan dalam kerangka perlembagaan kerana beliau percaya persefahaman kaum tidak sesuai dilakukan dalam bentuk *uniformity* sebaliknya lebih berkesan dalam bentuk *diversity*.

Unsur-unsur penting yang ditanamkan ialah keharmonian masyarakat pelbagai kaum yang saling menghormati antara satu sama lain. Setiap kaum mempunyai kedudukan dalam negara serta memainkan peranan dalam pembangunan negara. Sebagai sebuah negara yang ditinggalkan oleh sistem penjajahan, pengenalan kaum berasaskan kepada aktiviti ekonomi adalah faktor dominan yang perlu diteruskan. Dasar ekonomi dan pembangunan bagi penduduk khususnya orang Melayu melalui RIDA mengambil kira latar belakang orang Melayu sebagai masyarakat agraria.

Sumbangan dalam Bidang Perundangan

Sumbangan Tunku dalam bidang perundangan negara adalah besar terutama ketika negara baru mencapai kemerdekaan. Tunku berperanan besar dalam menyusun perlembagaan dan sistem perundangan negara dalam lingkup sistem demokrasi berparlimen. Cabaran besar yang dihadapi oleh Tanah Melayu pada peringkat pra-kemerdekaan ialah membentuk sebuah perlembagaan Persekutuan yang dapat diterima oleh semua pihak khususnya golongan Raja dan ahli politik. Sebagai sebuah negara yang berasal daripada sistem beraja, kebanyakan negeri sebelum ini diperintah oleh kuasa penuh Sultan sungguhpun terdapat sistem pentadbiran British, namun dari segi hakikatnya Sultan berkuasa penuh terhadap negeri baginda. Oleh itu, cabaran Tunku ialah meyakinkan Raja-Raja Melayu untuk bersetuju dengan sistem pemerintahan Persekutuan tanpa mengurangkan kuasa baginda semua. Tunku berperanan memberikan jaminan kepada Raja-Raja Melayu bahawa dalam sistem Persekutuan, kuasa Raja-Raja Melayu tidak akan hilang. Sistem Persekutuan yang baru mewujudkan sebuah institusi Yang di-Pertuan Agong yang terkandung bersama Timbalan Yang di-Pertuan Agong serta Majlis Raja-Raja. Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai ketua negara, dipilih daripada kalangan sembilan orang Sultan yang memerintah di negeri-negeri Melayu.

Keputusan mengadakan institusi Yang di-Pertuan Agong disokong oleh ahli-ahli perundangan. Sewaktu memberikan pendapat mereka pada peringkat awal merdeka, Tun Mohamed Sufian dan S. Jayakumar umpamanya mengeluarkan pandangan bahawa "segala petanda yang kewujudan jawatan itu, lama kelamaannya akan terbukti menjadi satu langkah yang bijak."⁶⁷

Merujuk kepada bidang perlembagaan, ternyata ia satu sumbangan besar yang ditinggalkan oleh Tunku kepada negara. Sewaktu baru mencapai kemerdekaan, konsep kerajaan berperlembagaan adalah masih baharu dihayati oleh penduduk

Tanah Melayu. Sumbangan besar Tunku ini telah dinyatakan oleh Tun Mohamed Sufian, bekas Ketua Hakim Negara:

"Rasa terhutang budi ditujukan kepada kebijaksanaan orangdari(sic) kumpulan yang terkemudian ini, terutama kepada Tunku Abdul Rahman, yang selayaknya diberikan gelaran bapa kemerdekaan. Personalitinya banyak memberi tunjuk ajar dan mempengaruhi corak perlembagaan yang baru: dan merupakan peringatannya yang paling kekal. Mencerminkan sebagaimana sepatutnya aspirasi rakyat, perlembagaan itu telah digubal supaya gayanya tidak terlalu kaku. Hukum undang-undang, seperti juga baju, sepatutnya tidaklah terlalu ketat supaya padan dan beliau (Tunku) dan rakan-rakannya menghargai sifat kumpulan politik yang mengatakan bahawa perlembagaan itu sendiri adalah ibarat pakaian sebelah luar."⁶⁸

Jelaslah kenyataan yang diberikan oleh Tun Mohamed Sufian memberikan pengiktirafan kepada Tunku kerana pendekatan yang dilakukan oleh Tunku merangka perlembagaan negara adalah mengikut aspirasi rakyat serta disesuaikan dengan keperluan rakyat. Pendekatan ini membolehkan perlembagaan yang dibentuk diterima semua pihak khususnya golongan rakyat dan dalam masa yang sama dialu-alukan oleh pengamal undang-undang yang terdiri daripada para hakim dan juga golongan peguam.⁶⁹

Melalui kepimpinannya, Tunku telah memainkan peranan penting bahawa sistem demokrasi di Malaysia dijalankan secara sepenuhnya. Sebagai seorang yang berpegang pada prinsip, beliau tanpa ragu-ragu telah melaksanakan penubuhan sistem dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara di peringkat persekutuan. Manakala di peringkat negeri, beliau bertanggungjawab melaksanakan pilihan raya peringkat negeri dengan mewujudkan Dewan Negeri seterusnya mengubah pelantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri terdiri daripada ketua dewan negeri. Sebelum ini jawatan Menteri Besar melalui sistem tradisional, iaitu mereka yang dilantik oleh Sultan negeri masing-masing. Dengan wujudnya Menteri Besar yang dilantik melalui pilihan raya, ia juga membolehkan wujudnya sistem Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di setiap negeri. Pembaharuan sistem pentadbiran negeri dilakukan oleh Tunku secara serentak di semua negeri pada tahun 1959 menerusi pilihan raya peringkat negeri yang pertama. Dengan perubahan yang dilakukan di peringkat negeri, ia memenuhi cita-cita Tunku untuk membawa penglibatan rakyat sepenuhnya dalam pentadbiran negeri. Dalam masa yang sama, pembaharuan ini telah diterima oleh segenap lapisan masyarakat, ahli-ahli politik dan perundangan.

Sikap Terbuka Menerima Kritikan

Sepanjang tempoh memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Tunku sering dikritik kerana watak dan tindakan beliau yang dianggap tidak serius. Sewaktu mendapatkan kemerdekaan, beliau dikritik kerana membenarkan kerajaan British memainkan peranan utama dalam menentukan syarat-syarat kemerdekaan. Tunku dikatakan tunduk dengan desakan kerajaan British untuk menerima kerakyatan yang mudah bagi penduduk bukan Melayu. Sebaik sahaja merdeka, keputusan kerajaan Tanah Melayu untuk mengadakan perjanjian pertahanan dengan kerajaan British yang dinamakan *Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA) dikritik hebat oleh golongan nasionalis Melayu di dalam dan di luar UMNO.

Sikap terbuka Tunku menyebabkan ramai pemimpin politik yang berani mengkritik Tunku secara terbuka. Di dalam parlimen, AMDA dikritik oleh ahli-ahli parlimen pihak kerajaan dan pembangkang yang menganggap tindakan ini menjadikan kemerdekaan Tanah Melayu berbentuk separuh masak. Kritikan ini menyebabkan Tunku menjawab di Dewan Parlimen bahawa tindakan mengadakan perjanjian pertahanan dengan Britain adalah berasaskan kepada kedudukan Tanah Melayu yang begitu lemah dalam pasukan pertahanan. Tanah Melayu hanya mempunyai sebuah rejimen Askar Melayu Diraja tanpa mempunyai pasukan tentera laut dan udara. Oleh itu, AMDA amat-amat diperlukan ketika Tanah Melayu sedang menghadapi ancaman komunis dari dalam dan luar negara.

Tunku juga berhadap dengan kritikan terhadap dasar-dasar pentadbiran beliau yang lain. Antara kritikan lain yang kuat dihadapi oleh Tunku ialah terhadap dasar pendidikan dan pelaksanaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sekitar awal tahun 1960-an, Tunku menghadapi kritikan kuat daripada pejuang bahasa Melayu dan juga kesatuan Guru-Guru Melayu yang tidak berpuas hati dengan kelewatan kerajaan menubuhkan sekolah-sekolah beraliran Melayu serta tidak mengambil langkah serius menggunakan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran dan pendidikan. Dalam hal ini, Tunku berpegang pada keyakinan beliau bahawa bahasa Melayu perlu diberikan masa untuk ia bersedia menggantikan kedudukan bahasa Inggeris. Bagi Tunku, soal penting bukanlah secara tiba-tiba menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran tetapi yang penting ialah memantapkan kedudukan bahasa Melayu itu terlebih dahulu. Oleh itu, bahasa Melayu perlu dimajukan dalam semua bidang terutamanya perundangan, pendidikan dan pentadbiran.

Tunku juga menghadapi kritikan mengenai tindakan kerajaan Malaysia memisahkan Singapura. Ada kritikan yang mengatakan "Tunku menjualnya kepada Lee Kuan Yew."⁷⁰ Tunku dikritik hebat terutamanya daripada golongan muda. Kritikan terhadap Tunku sehinggakan membawa kepada usaha menidakkan jasa beliau sebagai seorang tokoh negara. Menjawab tindakan golongan muda ini, Tunku

dengan tenang menjawab, "Mereka tidak berbuat apa-apa, tapi merekalah yang lebih menikmati kemerdekaan."⁷¹

Dalam bidang politik, Tunku tidak dapat dikecualikan daripada menerima kritikan terhadap dasar-dasar pentadbiran dan keputusan yang diambil beliau. Dalam partinya sendiri iaitu UMNO, Tunku sentiasa berhadapan dengan golongan muda yang lebih bersikap "ultra-Melayu" antaranya termasuklah Dr. Mahathir Mohamed (Tun), Dato' Syed Ja'afar Albar dan Syed Nasir Ismail (Tun). Tunku dianggap terlalu berlembut dan dasarnya pula dilihat terlalu liberal.

Sumbangan dalam Keharmonian Kaum

Tunku memainkan peranan besar dalam mewujudkan keharmonian hidup pelbagai kaum di Malaysia melalui semangat bertolak ansur serta menghormati kaum yang lain. Beliau telah memberikan sumbangan besar agar semua kaum di Malaysia dapat menghormati semua kaum dan sangat bimbang dengan masalah hubungan kaum. Ia juga telah diperakui sendiri oleh Dato' Seri Najib Tun Razak. Antara lain Dato' Seri Najib merujuk semula sumbangan Tunku dengan berkata:

*"This clearly shows that Malaysian citizens are not only tolerant towards multi-ethnicity but had also moved a step forward to celebrate this diversity. We had chosen a path that is fair and equitable by applying the integration approach where the unique differences are combined in one big family, which is always mutually reinforcing and supporting one another, and not about destroying the identities of any one race."*⁷²

Tunku telah mendidik penduduk Malaysia bahawa dalam soal kepentingan negara, pandangan semua pihak haruslah diambil kira. Peringkat awal usaha ke arah kemerdekaan, Tunku yang memimpin UMNO parti yang mendapat sokongan kuat orang Melayu telah mengadakan rundingan bersama-sama Datuk Sir Clough Thuraisingham, Dato' Onn, Ramani, dan Yong Shook Lin. Tunku memujuk Dato' Onn agar meninggalkan perbezaan fahaman politik sebaliknya bersama-sama dengan UMNO dan semua parti politik membentuk sebuah barisan menuntut kemerdekaan.⁷³ Walaupun cadangan Tunku tidak diterima oleh Dato' Onn tetapi ia menunjukkan sikap terbuka Tunku yang bersedia bekerjasama dengan mana-mana parti demi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Latar belakang Tunku yang mempunyai hubungan baik dengan tokoh-tokoh bukan Melayu mempengaruhi sikap beliau untuk memberikan ruang yang lebih banyak bagi kaum lain terlibat dalam politik dan pentadbiran di Malaysia. Ini dibuktikan oleh Tunku sewaktu membentuk kabinet pertama beliau pada tahun 1955 dengan melantik beberapa tokoh kaum Cina, iaitu Kolonel H.S Lee sebagai Menteri

Pengangkutan, V.T Sambanthan sebagai Menteri Buruh, Leong Yew Koh sebagai Menteri Kesihatan, dan Ong Yoke Ling sebagai Menteri Pos, Telekom dan Komunikasi.⁷⁴ Sikap Tunku membawa masuk kaum-kaum lain dalam pentadbiran negara menyebabkan beliau sentiasa dihormati oleh orang Cina dan orang India.

Tunku berpegang pada prinsip keharmonian kaum boleh dicapai dengan cara setiap kaum saling menghormati antara satu sama lain. Namun demikian, ia tidak bermakna orang Melayu adalah lemah dan boleh dipergunakan. Pengalaman sejarah sewaktu krisis UMNO-MCA pada tahun 1959 membuktikan bahawa Tunku menolak kaedah tekanan. Ia berikutan keputusan kepimpinan MCA melalui Presiden yang baru dilantik, iaitu Dr. Lim Chong Eu yang memberikan kata dua kepada Tunku menuntut MCA diberikan lebih banyak kerusi dalam pilihan raya yang bakal diadakan. Sebagai tindak balas Tunku menolak tuntutan tersebut serta mengumumkan bahawa beliau lebih rela membawa UMNO menghadapi pilihan raya tanpa kerjasama dengan MCA. Ketegasan Tunku membawa kepada langkah campur tangan Tun Tan Cheng Lock memohon ahli-ahli MCA meneruskan kerjasama dengan UMNO dan tidak memberikan tekanan kepada Tunku. Ia juga menyebabkan Dr. Lim Chong Eu meninggalkan MCA dan menubuhkan Parti Gerakan. Pengalaman ini memberikan kesan berpanjangan seterusnya apabila MCA tidak lagi membuat tuntutan dan tekanan secara terbuka kepada UMNO.

Penubuhan Perikatan adalah sebagai satu elemen yang dibentuk oleh Tunku bagi kerjasama politik antara kaum di negara ini. Ia merupakan asas kepada pembentukan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Secara idealnya Presiden UMNO merupakan pengerusi Perikatan dan begitu jugalah apabila Barisan Nasional dibentuk. Sebarang perkara mengenai dasar dan keputusan parti diputuskan melalui badan ini melalui konsep perundingan.

Tunku juga menyumbang kepada sikap toleransi antara kaum melalui pelbagai bentuk. Dari awal lagi, sistem pendidikan yang dibentuk memberikan ruang kepada kaum lain untuk meneruskan pendidikan mereka melalui pengekalan sekolah-sekolah beraliran kaum masing-masing. Ia berbeza dengan perkembangan di Indonesia kerana pendekatan Presiden Sukarno membentuk satu sistem pendidikan secara *uniformity* menjadikan satu aliran pendidikan sahaja di negara berkenaan. Berbeza dengan di Malaysia yang menggunakan sistem pendidikan berbentuk *diversity* apabila setiap kaum mempunyai ruang yang luas untuk meneruskan sistem pendidikan mereka.

Keharmonian kaum, menurut Tunku boleh dicapai dengan sikap penduduk yang menghormati kedudukan orang Melayu. Kedudukan orang Melayu ini diterjemahkan melalui penerusan institusi tradisional Melayu, iaitu kewujudan Sultan dan institusi Yang di-Pertuan Agong. Keharmonian negara dipupuk melalui prinsip taat setia semua kaum kepada Yang di-Pertuan Agong selaku ketua negara,

manakala di peringkat negeri pula Sultan dihormati. Dengan adanya sikap hormat menghormati kepada institusi tradisional ini, ia akan memberikan kesan kepada orang Melayu untuk menghormati kaum-kaum lain.

Tunku juga bertanggungjawab mengawal unsur-unsur yang boleh memecahbelahkan hubungan antara kaum. Justeru, selepas merdeka dasar antikomunis diteruskan oleh kerajaan kerana ancaman komunis adalah antara punca kepada perbalahan kaum. Darurat yang bermula pada tahun 1948 hanya ditamatkan pada tahun 1960. Tunku memainkan peranan utama memerangi ancaman komunis dan sikap beliau yang antikomunis mempengaruhi kepada langkah memerangi komunis secara besar-besaran. Malahan sikap antikomunis ini juga mempengaruhi dasar luar Malaysia yang tidak mengadakan hubungan dengan negara-negara komunis sehingga tahun 1974.

Tunku memperjuangkan usaha memelihara hubungan baik antara kaum. Beliau menekankan kepada sikap toleransi antara kaum serta mendidik masyarakat supaya tidak membangkitkan perkara yang boleh menjadi isu-isu sensitif. Oleh itu, rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 merupakan detik hitam dalam pentadbiran Tunku kerana menganggap beliau gagal dalam usaha mengekalkan hubungan kaum di Malaysia. Ia membawa kesan kepada peletakan jawatan Tunku sebagai Perdana Menteri dan menyerahkan tugasnya kepada Tun Abdul Razak. Walaupun melepaskan jawatan, namun pandangan Tunku terus dirujuk kerana beliau dianggap sebagai arkitek kepada penubuhan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

Kesimpulan

Tunku merupakan seorang tokoh besar yang telah menaburkan jasa dan tenaga beliau menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya. Beliau menjadi *ideologue* kepada keharmonian kaum yang dipupuk melalui sikap saling menghormati antara satu sama lain. Justeru, dapat dilihat semenjak dari awal pentadbirannya Tunku telah memberikan perhatian terhadap pembinaan asas-asas keharmonian kaum melalui kerjasama politik dan usaha bersama dalam mendapatkan kemerdekaan. Tahap kedua ialah menyusun rangka projek kepada rancangan pembangunan negara melibatkan pelbagai bidang khususnya pendidikan. Oleh itu kejayaan yang ada pada Malaysia pada hari ini sebenarnya telah dibina oleh pemimpin-pemimpin terdahulu khususnya Tunku Abdul Rahman.

1 Tun Mohamed Suffian Hashim dilahirkan di Perak pada 12 November 1917. Beliau ialah anak kepada Haji Mohamed Hashim, seorang kadi dan Zaharah Ibrahim. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Lenggong. Kemudiannya menyambung pelajaran di Clifford English School, Kuala Kangsar pada ketika berusia 11 tahun. Beliau merupakan pelajar yang cemerlang, menamatkan sekolah pada tahun 1933. Pada tahun 1935

ditawarkan *Queen's Scholarship* menjadikan anak Melayu pertama diberikan tawaran ini. Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sastera dengan Kepujian di University of Cambridge pada tahun 1939 dan Ijazah Undang-Undang di Middle Temple, London setahun kemudian. Beliau menyambung pengajian di Inns of Court dan pada bulan Januari 1941 disahkan sebagai peguam di Middle Temple. Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu, beliau telah mengikuti perkhidmatan kehakiman. Beliau dilantik menjadi Majistret di Melaka pada tahun 1948. Kemudiannya menjadi Penolong Pandakwa Raya di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Dilantik sebagai anak Melayu pertama sebagai penasihat Undang-Undang iaitu di Pahang. Beliau terlibat membuat draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1956. Pada tahun 1959, Sufian dihantar ke Bandar Seri Begawan atas permintaan kerajaan Brunei untuk merangka Perlembagaan Brunei. Dalam perkhidmatan Undang-Undang, Tun Sufian menjadi orang Melayu pertama dilantik dalam pelbagai perkhidmatan; sebagai Peguam Kanan Persekutuan pada tahun 1958, Pendakwa Raya Persekutuan pada tahun 1959. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan Alor Setar. Sufian dilantik sebagai Ketua Hakim negara pada 1 November 1973 dan bersara pada tahun 1982. Tun Suffian (nama yang biasa dipanggil) dianggap seorang tokoh kehakiman yang disegani telah dilantik oleh kerajaan sebagai pengerusi Suruhanjaya Diraja Mengenai Saran dan Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau berkahwin dengan Dora Evelina (Bunny) Grange ketika mereka bertemu di England pada tahun 1946. Tun Suffian meninggal dunia pada 26 September 2000 pada usia 83 tahun. Beliau dikebumikan di Makam Diraja, Kuala Kangsar, Perak.

2 Tun Sardon Juhir dilahirkan di Batu Pahat, Johor pada 19 Mac 1917. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sungai Bangan, kemudiannya menyambung pelajaran di Victorian English Primary School di Singapura. Beliau menduduki peperiksaan Senior Cambridge di England dan disahkan sebagai peguam pada tahun 1941. Pernah dilantik sebagai peguam yang membantu Tan Sri Ahmad Ibrahim dalam kes perbicaraan Hertogh atau lebih dikenali sebagai Mariam. Tun Sardon terlibat dalam pembentukan UMNO di Johor dan penentangan Malayan Union. Dipilih oleh Tunku Abdul Rahman untuk bertanding sebagai wakil UMNO/Perikatan dalam pilihan raya Tanah Melayu yang pertama pada tahun 1955. Apabila menang, beliau dilantik oleh Tunku menjadi ahli kabinet pertama Tanah Melayu memegang portfolio Kementerian Pengangkutan. Tun Sardon telah dilantik beberapa jawatan Menteri dalam zaman pentadbiran Tunku dan Tun Abdul Razak. Selepas berhenti daripada kegiatan politik, beliau telah dilantik sebagai Gabenor Pulau Pinang selama dua penggal. Beliau meninggal dunia pada 14 Disember 1985. Tun Sardon dikenali sebagai antara tokoh yang setia dengan Tunku Abdul Rahman.

3 Kua Kia Siong, 2003 *Kenangan Tunku*. Strategic Information Research Development, P. Jaya; hlm. 79-80.

4 The Tunku's Tape.

5 SABERKAS berasal daripada Syarikat Kerjasama Am Saiburi sebuah badan politik ditubuhkan di negeri Kedah pada bulan Julai 1945. Ia dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Yang di-Pertua, manakala Mohamad Khir Johari sebagai Setiausaha. Tokoh lain yang turut terlibat dalam penubuhan badan ini ialah Tunku Daud bin Tunku Ali Shah, Senu Abdul Rahman, Mustafa Afif, Azahari Taib, Ahmad Noordin, dan Wan Din. SABERKAS ditubuhkan bagi mencapai matlamat ekonomi politik dan sosial orang Melayu di negeri Kedah.

6 Sir D. MacGillivray to Sir John Martin on recent political developments: Federal election and the Alliance boycott, no 123, 25 June 1954, CO 1030/311.

-
- 7 Temu bual Tunku Abdul Rahman, Arkib Negara Malaysia, 1985.
- 8 Tunku Abdul Rahman Putra, 1977. *Looking Back*, Kuala Lumpur Pustaka Antara: hlm. 33.
- ⁹ Singapore Standard, 26 March 1951
- 10 Kua Kia Soong, 2002. *K Das and the Tunku Tapes*. Kuala Lumpur SIRD: hlm. 85.
- 11 Political Talk with General Templer: minute of CO departmental meeting on future policy in Malaya, CO1022/86, no. 3, 3 Dec 1952.
- 12 Telegram from Sir G Templer to Mr Lyttelton, no. 66, 28 Sept. 1953, CO 1022/86.
- 13 *Ibid.*
- 14 Minutes by Sir A Johnston, Sir H Britain, Mr. Boyd-Carpenter, and Mr Butler, 9-17 Nov 1953, T 220/285.
- 15 H.T Bourdilon to A.E. Drake, 3 Nov 1953, T 220/285.
- 16 Mesyuarat ini dihadiri oleh T. Lloyd, Templer, MacGillivray, Pakin Watt dan Jerrom pada 9 November 1953.
- 17 Templer to Lyttelton, np 93, 8 Dec 1953, CO 1022/86.
- 18 *Ibid.*
- 19 *Ibid.*
- 20 Minute by T.C. Jerrom, ff 38-39, 15 Jan 1954, CO 1022/298.
- 21 Templer to Lyttelton, no. 72, 26 May 1954, CO 1030/310.
- 22 Tunku and Tan Cheng Lock to Mr Lyttelton, no. 23, 1 April 1954, CO 1030/309.
- 23 D. Gray (Acting Chief Secretary, Fed of Malaya) to Tunku Abdul Rahman, no. 23, 13 April 1954, CO 1030/309.
- 24 Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock to Lyttelton, no. 23, 1 April 1954, CO 1030/309.
- 25 D. Gray (Acting Chief Secretary, Federation of Malaya) to Tunku Abdul Rahman and Tan Cheng Lock (containing text of Lyttelton reply), no. 23, 13 April 1954, CO1030/309.
- 26 Nama sebenar Lord Ogmores ialah David Rees Rees-Williams, dilahirkan pada 22 November dan meninggal dunia pada 30 Ogos 1976. Berkelulusan Undang-undang. Mula menjadi ahli Parlimen (Croydon) Britain pada tahun 1945, dilantik menjadi Menteri Pengangkutan Udara Britain pada bulan September 1951. Pada tahun 1959, menyertai Parti Liberal Britain dan pernah menjadi Presiden parti antara tahun 1963-64.
- 27 Lord Ogmores to Lyttelton, no. 20, 20 April 1954, CO 1030/309.
- 28 Sir G Templer to Mr Lyttelton, no. 27, 22 April 1954, CO 1030/309.
- 29 Tunku bersama-sama T.H. Tan pergi ke London dengan menaiki penerbangan dari Singapura pada 21 April 1954. Mereka bertemu dengan Dato' Abdul Razak yang datang dengan penerbangan dari New York, manakala Tan Cheng Lock tidak hadir dan berada di Tanah Melayu.
- 30 Lyttelton to Templer on his talks with Tunku Abdul Rahman, T.H Tan and Dato' Abdul Razak, no. 53, 15 May 1954, CO 1030/309.
- 31 Lyttelton to Tunku Abdul Rahman, no. 56, 18 May 1954, CO 1030/310.
- 32 Sir G. Templer to Lyttelton, no. 72, 25 May 1954, CO 1030/310.
- 33 *Ibid.*
- 34 *Ibid.*
- 35 MacGillivray to Lyttelton, no. 80, 2 June 1954, CO 1030/310.

-
- 36 *Ibid.*
- 37 D Gray to J Martin, no 92, 14 June 1965, CO 1030/310.
- 38 MacGillivray to Lyttelton, no. 109, 23 June 1954, CO 1030/310.
- 39 *Ibid.*
- 40 Minute on 328, JMM, 24 June 1954.
- 41 J Martin to MacGillivray, no. 1, 25 June 1954, CO 1030/65.
- 42 *Ibid.*
- 43 MacGillivray to J. Martin, no. 123, 25 June 1954, CO 1030/311.
- 44 *Ibid.*
- 45 *Ibid.*
- 46 MacGillivray to Lyttelton, no. 130, 7 July 1954, DO1030/311.
- 47 Tunku to MacGillivray, 6 July 1954.
- 48 Minute by Sir John Martin on discussion with W D Allen, 12 July 1954, CO1030/193.
- 49 CO memorandum for UK High Commissioners in Commonwealth countries. No 1, 14 September 1954, CO1030/67.
- 50 *Ibid.*
- 51 *Ibid.*
- 52 *Ibid.*
- 53 Head (minute) to Sir A Aden, no 13, 15 Nov 1954, CO1030/67.
- 54 Lennox-Boyd to Head, no. 14, 9 Feb 1955, CO1030/67.
- 55 CO memorandum 'UK aims in Malaya, and means by which they might be achieved, with special reference to defence', Feb 1955, CO1030/67.
- 56 United Kingdom aims in Malaya: Memorandum by Mr Lennox-Boyd, FO371/116915, no. 12, Feb 1955.
- 57 Cabinet Memorandum by Lennox-Boyd, CP(55)81, 20 July 1955, CAB 129/76.
- 58 *Ibid.*
- 59 *Ibid.*
- 60 MacGillivray to Lennox-Boyd, no. 42, 30 July 1955, CO1030/70.
- 61 *Straits Times*, 29 July 1955.
- 62 MacGillivray to Lennox-Boyd, no. 42, 30 July 1955, CO1030/70.
- 63 *Straits Times Annual*, 1 January 1955
- 64 MacGillivray to Lennox-Boyd, no. 3, 3 Aug 1955, CO1030/225.
- 65 *Ibid.*
- 66 Sewaktu berhenti di Bombay, India, rombongan Tunku telah bertemu dengan Muhamad Ghazali Shafie, yang ketika itu sedang mengikuti latihan pegawai luar ditempatkan di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain ke India.
- 67 Tun Mohamed Sufian, H.P Lee dan F.A Trindate, 1978, *Perlembagaan Malaysia, Perkembangannya: 1957-1977*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, hlm. 118.
- 68 *Ibid.*, hlm. 4.
- 69 *Ibid.* hlm. 7.

70 Sharif Ahmad, *Tunku Abdul Rahman: Memoir Patriotik*, hlm. 15.

71 *Ibid.*

72 Dato' Seri Najib Tun Razak speech, Barisan National Convention, 5 December 2010, Kuala Lumpur.

73 Tunku, *Looking Back*, hlm. 40.

74 *Ibid.*, hlm. 55.